

Anwar Tidak Tahu Mengenai Isu PR Pelawa Ku Li Pimpin Pakatan Pembangkang
mStar Online
Ogos 03, 2011
Oleh ARIFFUDDIN ISHAK

SHAH ALAM: Datuk Seri Anwar Ibrahim berkata, beliau tidak mengetahui mengenai dakwaan wujudnya rundingan sulit bagi mempelawa Ahli Parlimen Gua Musang, Tengku Razaleigh Hamzah agar menerajui pakatan pembangkang.

Malah Anwar berkata, beliau 'tidak dengar' mengenai khabar angin tersebut di kalangan pimpinan komponen Pakatan Rakyat yang dianggotai Parti Keadilan Rakyat (PKR), PAS dan DAP mengenai hasrat untuk mengetepikannya sebagai Ketua Pembangkang.

"Saya tak dengar daripada mana-mana pimpinan PAS, DAP dan PKR. yang saya dengar hanya daripada (Ahli Parlimen) Bayan Baru (Datuk Seri Zahrain Mohamed Hashim)," katanya ringkas pada sidang media disini, Selasa.

Anwar mengulas mengenai dakwaan Zahrain bahawa Tengku Razaleigh atau Ku Li telah dipelawa memegang jawatan Ketua Pembangkang sebagai persediaan jika beliau (Anwar) disabit bersalah dalam kes liwat yang dihadapinya ketikaini.

Hakcipta Terpelihara © 1995-2011 Star Publications (Malaysia) Bhd
Source: http://mstar.com.my/berita/cerita.asp?file=/2011/8/3/mstar_berita/20110802140653&sec=mstar_berita